

Silat, kendo dan karate di Sentosa

24 OCT 1985

PERTUNJUKAN tiga jenis silat Melayu — Genang Silat, Tarian Silat dan Kesenian Silat — akan menghiburkan para pengunjung ke Sentosa pada petang Sabtu ini.

Pewarz. SLM.

Seramai 10 orang pesilat akan menunjukkan kemahiran mereka dengan setiap gerak langkah diiringi oleh Pancutan Air Berirama.

Pertunjukan silat itu ialah satu daripada tiga jenis seni mempertahankan diri yang akan dipersembahkan dalam pertunjukan di Pancutan Air Berirama Sentosa dari 7.45 hingga 9.00 malam. Dua jenis seni yang lain ialah kendo dan karate.

Kelab Kendo Singapura akan mempersembahkan seni mempertahankan diri dari Jepun itu, lengkap dengan irungan muzik tradisional Koto.

Antara lain ia akan mempersembahkan teknik bertanding dengan menggunakan pedang atau dikenali sebagai Iaido dan teknik melawan secara bebas.

PULAU SENTOSA

Puncak acara persembahan kendo ialah 'serangan' para penonton ke atas ahli-ahli kendo yang mengambil bahagian dalam pertunjukan itu.

Persembahan karate pula akan menunjukkan teknik seni karate, kekuatan memecahkan batu dengan tangan dan tendangan.

Pertunjukan tersebut adalah percuma.

Belia diminta ceburkan dalam seni silat

KUALA TERENGGANU,
Sabtu — Ahli Exec Kera-
jaan Negeri, Datuk Haji
Ahmad Sidi Ismail,
mahu belia-belia negara
ini menceburi bidang
seni silat bagi memelihara
warisan bangsa.

Penyertaan dari gene-
rasi sekarang secara ber-
sungguh-sungguh adalah
perlu bagi memperkenalkan
seni itu kepada
masyarakat antara-
bangsa, katanya.

Berucap merasmikan
penubuhan Persatuan
Seni Silat Cawangan Te-
rengganu (Pesislat) di Te-
pian Gelanggang di sini
petang semalam, beliau
berkata, negara-negara
lain di rantau ini telah
memperkenalkan seni
mempertahankan diri
masing-masing kepada
masyarakat negara ini
dan sekarang tiba pula
giliran Malaysia menon-
jolkan seni silat kepada
mereka.

Datuk Haji Ahmad
Sidi juga Pengurus Ja-
watankuasa Kebudayaan
Belia dan Sukan Negeri.